



“Sekiranya manusia diberi berdasarkan tuntutan mereka, pasti ada lelaki yang akan menuntut harta dan nyawa orang lain. Tetapi bukti berada pada pihak yang menuntut, dan sumpah berada pada pihak yang menafikannya.”

Daripada Ibn Abbas صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, رضي الله عنهما, bahawa Rasulullah bersabda: “Sekiranya manusia diberi berdasarkan tuntutan mereka, pasti ada lelaki yang akan menuntut harta dan nyawa orang lain. Tetapi bukti berada pada pihak yang menuntut, dan sumpah berada pada pihak yang menafikannya.”

صحيح [رواه البيهقي]

Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ menjelaskan bahawa sekiranya seseorang diberi hanya berdasarkan tuntutan mereka tanpa bukti atau petunjuk maka pasti ada orang yang akan menuntut harta dan nyawa orang lain. Oleh itu, pihak yang menuntut wajib mengemukakan bukti dan dalil bagi tuntutannya. Jika dia tiada bukti, tuntutan itu diserahkan kepada pihak yang dituntut; jika pihak itu menafikannya, maka wajib atasnya bersumpah, dan dia akan terbebas daripada tuntutan tersebut.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/4722>

النّجّاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY



لجنة الدعوة الإلكترونية
E-Dawah Committee

